

### PENYEDIAAN IMO 1 HINGGA IMO 4



### FAEDAH MENGGUNAKAN IMO 5

- Mengatasi masalah struktur tanah.
- Meningkatkan kesuburan tanah.
- Meningkatkan produktiviti tanaman.
- Mengurangkan serangan penyakit.
- Mengelakkan sisabaki racun dalam tanah.
- Meningkatkan pendapatan pengusaha.
- Meningkatkan daya saing industri pertanian dengan industri lain.




Jabatan Pertanian Malaysia  
 Wisma Tani, Aras 17  
 No. 30, Persiaran Perdana  
 Presint 4, 62624 PUTRAJAYA  
 Tel : 03-8870 3000 Fax : 03-8888 5069

<http://www.doa.gov.my>



# PENYEDIAAN INDIGENOUS MIKROORGANISMA (IMO 1-IMO 5)



## PENYEDIAAN 'INDIGENOUS' MIKROORGANISMA (IMO 1- IMO 5)

### IMO 1

**Bahan :** Nasi sejuk, bekas kayu/plastik, kertas putih dan tali.

1. Nasi sejuk diisi ke dalam bekas kayu sedalam 3-5 sm, tutup dengan kertas dan ikat dengan tali.
2. Letakkan bekas tadi di bawah rumpun buluh / rimbunan pokok pandan / timbunan jerami padi, tutup dengan plastik dan dibiarkan selama 72 jam (2-3 hari).
3. Selepas 72 jam, nasi yang diselaputi dengan miselium warna putih dinamakan IMO 1.

### IMO 2

**Bahan :** IMO 1, gula merah, balang plastik/kaca, kertas putih & tali.

1. Campurkan IMO 1 dengan gula merah dengan kadar 1:1.
2. Masukkan dalam balang plastik/kaca, tutup dengan kertas putih dan ikat dengan tali.
3. Simpan campuran di tempat sejuk, biarkan fermentasi selama 5 hari.
4. Selepas 5 hari IMO 2 boleh digunakan.

### IMO 3

**Bahan :** Dedak padi, air beras, IMO 2, jerami/daun kering.

1. Campurkan 5 gm IMO 2 + 5 kg dedak padi + 2 liter air basuhan beras (yang diperam 72 jam).
2. Gaulkan campuran ini dengan kelembapan 65%, suhu tidak melebihi 70°C dan peram

longgokan ini selama 3-5 hari.

3. Tutup campuran dengan daun kering/ jerami dan elak dari terkena hujan.

### IMO 4

**Bahan :** IMO 3, tanah gembur, air dan daun kering/jerami.

1. Campurkan IMO 3 dan tanah gembur dengan kadar 1:1. Gaulkan campuran ini dengan kelembapan 65%, suhu tidak melebihi 70°C dan diperam selama 3-5 hari. Tinggi longgokan tidak melebihi 70 sm. Tutup campuran dengan daun kering dan elak dari terkena hujan.
2. Selepas 5 hari IMO 4 boleh digunakan dengan kadar 100-150 kg/1000 m<sup>2</sup>.

### IMO 5 (Kompos)

#### 1. Syor campuran 1

IMO 4 : tahi ayam dengan kadar (1:10). Gaulkan campuran dengan kelembapan 65% dan suhu tidak melebihi 70°C. Boleh digunakan selepas 7-14 hari diperam.

#### 2. Syor campuran 2

IMO 4 : tahi ayam : hampas kelapa sawit/jagung, jerami dengan kadar (1:1: 5) Gaulkan campuran dengan kelembapan 65% dan suhu tidak melebihi 70°C. Boleh digunakan selepas 6-8 minggu diperam.

## PENGENALAN

IMO ialah sekumpulan mikroorganisma yang hidup berkelompok di sesuatu tempat. Ianya hidup berharmoni di dalam tanah bersama tumbuhan dengan membekalkan makanan dan memberi perlindungan kepada serangga dan binatang kecil yang lain. IMO tempatan boleh dikumpul dan dibiak untuk memperbaiki dan memulihkan tanah. Mikroorganisma ini boleh dibiak melalui beberapa kaedah, antaranya proses penyediaan IMO 1 - IMO 4. IMO juga boleh digunakan dalam penyediaan kompos untuk mempercepatkan proses pereputannya.

